



6 Ogos 2024
6 August 2024
P.U. (A) 210

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN
(PENGAWALSELIAAN PUSAT PEMERIKSAAN
KENDERAAN MOTOR) 2024

*ROAD TRANSPORT
(SUPERVISION OF MOTOR VEHICLE INSPECTION
CENTRE) RULES 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN
(PENGAWALSELIAAN PUSAT PEMERIKSAAN KENDERAAN MOTOR) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah perenggan 66G(e) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pengawalseliaan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor) 2024**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 7 Ogos 2024.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pemeriksa” ertinya mana-mana orang yang dilesenkan untuk menjalankan pemeriksaan kenderaan motor dan mengeluarkan perakuan pemeriksaan;

“pusat pemeriksaan kenderaan motor” ertinya mana-mana premis termasuk mana-mana unit pemeriksaan bergerak yang digunakan oleh orang yang dilesenkan untuk menjalankan pemeriksaan kenderaan motor atau mana-mana premis lain yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud menjalankan pemeriksaan kenderaan motor.

Pusat pemeriksaan kenderaan motor

3. (1) Mana-mana pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah boleh memasuki mana-mana pusat pemeriksaan kenderaan motor pada bila-bila masa untuk mengawal selia pusat pemeriksaan kenderaan motor.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah boleh menjalankan tugas yang berikut:

- (a) memeriksa apparatus, kelengkapan dan kemudahan yang digunakan bagi aktiviti pemeriksaan kenderaan motor;
- (b) memantau mana-mana pemeriksaan kenderaan motor yang dijalankan oleh pemeriksa;
- (c) memeriksa rekod dan salinan laporan pemeriksaan kenderaan motor;
- (d) mengendalikan dan menguji apa-apa apparatus, kelengkapan dan kemudahan yang berhubungan dengan aktiviti pemeriksaan kenderaan motor;
- (e) mendapatkan apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan aktiviti pemeriksaan kenderaan motor;
- (f) mengakses dan mengendalikan mana-mana sistem komputer, rakaman audio atau visual untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan; dan
- (g) mengarahkan pemeriksa untuk memeriksa semula kenderaan motor, jika perlu, tanpa apa-apa kos.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah di bawah subkaedah (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) bagi kesalahan pertama, didenda tidak kurang daripada lima ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya; dan

- (b) bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

Dibuat 6 Ogos 2024

[MOT.BD.(S).600-1/3/2 Jld. 2(1); PN(PU2)460/JLD.133]

LOKE SIEW FOOK
Menteri Pengangkutan

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (SUPERVISION OF MOTOR VEHICLE INSPECTION CENTRE)
RULES 2024

IN exercise of powers conferred by paragraph 66G(e) of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Road Transport (Supervision of Motor Vehicle Inspection Centre) Rules 2024**.

(2) These Rules come into operation on 7 August 2024.

Interpretation

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“examiner” means any person licensed to conduct the inspection of motor vehicles and issue certificate of inspection;

“motor vehicle inspection centre” means any premise including any mobile inspection unit used by a person licensed to carry out the inspection of motor vehicles or any other premises approved by the Minister for the purpose of carrying out the inspection of motor vehicles.

Motor vehicle inspection centre

3. (1) Any road transport officer authorized by the Director General may enter any motor vehicle inspection centre at any times to supervise the motor vehicle inspection centre.

(2) For the purposes of subrule (1), the road transport officer authorized by the Director General may carry out the following duties:

- (a)* inspect apparatus, equipment and facilities used for the motor vehicle inspection activities;
- (b)* monitor any motor vehicle inspection conducted by the examiner;
- (c)* inspect records and copies of the motor vehicle inspection reports;
- (d)* operate and test any apparatus, equipment and facilities relating to the motor vehicle inspection activities;
- (e)* obtain any information or documents relating to the motor vehicle inspection activities;
- (f)* access and control any computer system, audio or visual recording to obtain the required information; and
- (g)* instruct the examiner to re-inspect the motor vehicle, if required, without any cost.

(3) Any person who fails to comply with the direction of the road transport officer authorized by the Director General under subrule (2) commits an offence and shall, on conviction—

- (a)* for the first offence, be liable to a fine of not less than five hundred ringgit and not more than two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both; and
- (b)* for the second or subsequent offence, be liable to a fine of not less than one thousand ringgit and not more than four thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding twelve months or to both.

Made 6 August 2024
[MOT.BD.(S).600-1/3/2 Jld. 2(1); PN(PU2)460/JLD.133]

LOKE SIEW FOOK
Minister of Transport